

25/10/1999

Duta UNAIDS sokong sidang puncak mengenai Aids

DUTA bagi program bersama mengenai HIV/Aids Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNAIDS) yang baru dilantik, Mechai Viravaidya, mengalu-alukan cadangan mengadakan persidangan puncak mengenai Aids.

Beliau yang mengadakan sidang akhbar sempena pelantikannya semalam berkata, pihaknya mengalu-alukan cadangan itu kerana ia membolehkan pelbagai isu mengenai Aids dibincangkan dan

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya sidang puncak mengenai Aids diadakan bagi membincangkan langkah terbaik bagi membendung wabak itu daripada menular.

Cadangan itu dikemukakan Dr Mahathir ketika merasmikan Kongres Antarabangsa Mengenai Aids di Asia dan Pasifik ke-5 (ICAAP) yang bermula semalam dan berakhir 27 Oktober ini.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif UNAIDS, Peter Piot, berkata pihaknya berasa sungguh bertuah kerana Mechai setuju menerima pelantikannya sebagai duta badan itu.

"Beliau sebelum ini berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa berikutan usahanya mempopularkan program perancang keluarga dan akhir-akhir ini usaha beliau bagi memperlahankan jangkitan wabak Aids di Thailand," katanya.

Sebagai duta UNAIDS, Mechai akan mendukung segala usaha meningkatkan kesedaran mengenai penyakit itu serta melobi dalam aspek politik bagi program UNAIDS.

Mengulas mengenai pelantikannya, Mechai berkata, beliau berbangga kerana dilantik ke jawatan itu dan berazam untuk bekerjasama dengan semua pihak bagi mengurangkan kesan dan jumlah pesakit Aids.

Beliau sebelum ini adalah pengasas dan pengerusi Persatuan Pembangunan Masyarakat dan Kependudukan Thailand dan sejak 1974, persatuan itu berjaya menggalakkan program perancang keluarga di negara itu.

Pada 1996, beliau dilantik buat kali kedua sebagai anggota Senat disamping menjadi penasihat kepada Gabenor Bangkok. Beliau juga pernah menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua kali iaitu pada 1991 dan 1992.

(END)